

SOALAN NO. 210**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah membeli undi pada masa pilihan raya, terutamanya di Sarawak. Kalau berlakunya kes rasuah undi ini, siapakah merupakan pihak penguat kuasa semasa pilihan raya. Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

30

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbuatan membeli undi semasa Pilihan Raya Umum/ Pilihan Raya Kecil merupakan salah satu kesalahan pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan akta ini terpakai di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak. Bagi apa-apa kesalahan berkaitan pilihan raya, pihak penguat kuasa yang bertanggungjawab adalah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala bagi kesalahan berkaitan rasuah, ia terletak di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, apa-apa aduan mengenai kesalahan-kesalahan tersebut seharusnya dibawa kepada pihak-pihak berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelbagai langkah telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menangani masalah pembelian undi atau apa-apa kesalahan pilihan raya semasa pilihan raya. Ini termasuklah melaksanakan program pendidikan pengundi (*voters' education*) bagi memberi kesedaran kepada pengundi-pengundi mengenai hak mereka sebagai pengundi termasuklah perkara-perkara yang boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan semasa pilihan raya.

Sekian, terima kasih.